



## Persembahan *saba*: Suatu ritual penyembuhan dari perspektif kosmologi

Mohd Kipli Abdul Rahman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Muzik & Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Correspondence: Mohd Kipli Abdul Rahman (email: [kipli@fmsp.upsi.edu.my](mailto:kipli@fmsp.upsi.edu.my))

### Abstrak

Tulisan ini meneroka persembahan *saba* sebagai suatu ritual untuk penyembuhan dengan tumpuan kajian terhadap tingkahlaku dan budaya. Cerakinan idea tentang persembahan *saba* ditelusuri melalui perspektif kosmologi. Ia berkaitan dengan alam semesta yang melibatkan fenomena dalam ruang dan masa meliputi alam fizikal dan alam metafizik serta kedudukan manusia dalam ruang tersebut. Hubungan manusia dengan alam mencetuskan kreativiti dan keupayaan luar biasa untuk menghasilkan karya seni. Karya seni yang dihasilkan itu pula melambangkan semangat mereka terhadap kosmologi kepercayaan keagamaan pengkarya. Ia turut berkaitan dengan empat unsur kosmos, iaitu tanah, air, api dan angin. Karya seni yang dihasilkan turut dipercayai memiliki semangat ataupun jiwa. Sehubungan itu, sudut pandang kosmologi menemukan pelbagai dimensi ruang dan kosmos yang menjadi pencetus kepada pengalihan suatu pandangan dunia tentang fungsi persembahan *saba* sebagai suatu ritual penyembuhan.

**Katakunci:** animisme, kosmologi, metafizik, penyembuhan, ritual, *Saba*

## *The saba* performance: A healing ritual from cosmological perspective

### Abstract

This study explored the animistic Malays' *saba* performance, a ritualistic performance for healing which revolved around the relationship between behaviour and culture. This idea about the *saba* rituals performance was explored through the cosmological perspective. In this perspective the universe was seen as encompassing the physical and metaphysical reality and the position of man in this reality. The relationship between man and the universe would ignite man's certain creativity and capability in producing works of art. The artistic works produced signified the spirit of the artists' cosmology and religious beliefs. This pertained to the four cosmic elements of earth, water, fire and wind. The work of art produced was also believed to be infused with spirit or soul. Thus, the cosmological point of view integrated a multitude of spatial and cosmic dimensions that was to fuel the emergence of a world view which saw the function of the *saba* performance as a healing ritual.

**Keywords:** animism, cosmology, healing, metaphysic, *saba*, ritual performance

### Pengenalan

Persembahan *saba* berasal daripada ritual yang berkaitan dengan tata-cara dalam upacara keagamaan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak zaman animisme. Ia merupakan pola-pola daripada

tindakan-tindakan yang biasanya sangat simbolik seperti bentuk-bentuk tertentu daripada pemujaan, pengorbanan dan larangan-larangan. Ritual terhasil ekoran keinginan manusia mencari hubungan dengan dunia metafizik kerana manusia itu secara fitrahnya mempunyai emosi keagamaan. Metafizik merupakan satu ilmu (sains) yang mengkaji mengenai hakikat kejadian. Ilmu ini lebih mementingkan soal kebatinan atau kerohanian. Dengan lain perkataan, ilmu ini adalah ilmu rohaniah yang mengkaji perkara-perkara ghaib di sebalik perkara-perkara yang nyata, kerana ilmu metafizik sebenarnya mengkaji roh. Aristotle juga menggunakan perkataan metafizik dengan merujuk kepada maksud “sesuatu yang di luar dunia fizikal”, iaitu skop kajiannya adalah di luar daripada skop sains fizikal (Abdul Majid Hj. Khatib, 1975). Dalam konteks tradisional, seni persembahan juga merupakan suatu upacara ritual yang lazim digunakan untuk proses penyembuhan. Jadi, persembahan ritual adalah suatu upacara yang terhasil daripada tindakan atau keinginan untuk mencari hubungan dengan dunia ghaib (metafizik) bagi tujuan tertentu yang lazimnya adalah untuk kebaikan, kesejahteraan dan ketenangan pengamalannya (Mohd Kipli Abdul Rahman, 2012).

Tatacara ritual tersebut turut berhubungan dengan aspek kewujudan dan kosmos kehidupan manusia. Hal ini merujuk kepada bidang kosmologi yang membicarakan tentang alam semesta. Ruang lingkup pembicaraannya merangkumi fenomena dalam ruang dan masa meliputi alam fizikal dan alam metafizik serta kedudukan manusia dalam ruang tersebut (Osman Bakar, 1994). Hubungan manusia dengan alam akan mencetuskan kreativiti dan keupayaan luar biasa untuk menghasilkan karya seni. Ia turut berkaitan dengan empat unsur kosmos, iaitu tanah, air, api dan angin. Karya seni yang dihasilkan itu pula melambangkan semangat mereka terhadap kosmologi kepercayaan keagamaan pengkarya. Dari perspektif kosmologi, karya seni yang dihasilkan turut dipercayai memiliki semangat ataupun jiwa (Mohd Kipli Abdul Rahman, 2009). Secara kosmologinya, semua makhluk yang ada di alam ini terbentuk daripada empat unsur, iaitu api, air, udara dan tanah. Api bersifat panas dan kering, udara pula panas dan lembab, air bersifat sejuk dan lembab dan tanah bersifat sejuk dan kering. Hasil daripada itu, jasad dan jiwa membentuk satu keseluruhan yang lengkap, iaitu kewujudan. Dalam hal ini, menurut Abdul Rahman Abdullah (1999), kosmologi membicarakan masalah-masalah tentang fizik, bukannya masalah-masalah dalam fizik. Justeru, dapat juga dinamakan sebagai falsafah fizik atau falsafah sains. Bagaimanapun, baik alam fizik mahupun metafizik, kedua-duanya saling mempengaruhi. Sekiranya persoalan metafizik bertolak daripada realiti fizik, maka sains fizik juga dipengaruhi oleh spekulasi metafizik. Sains fizik yang kelihatan *rigid* (tegas) dengan sistem dan hukumnya itu dapat diluaskan visinya melalui metafizik.

Justeru, menyedari kewujudan mereka yang mencakupi ruang kosmos fizikal dan metafizik, manusia turut sedar bahawa perihal kehidupan turut dipengaruhi oleh kewujudan makhluk yang selain daripada manusia. Kewujudan makhluk-makhluk lain ini juga dipercayai dapat memberi kesan positif dan negatif terhadap perjuangan (*survival*) kewujudan manusia. Kesan negatif lazimnya menimpa manusia dalam bentuk gangguan mahupun penyakit sama ada fizikal mahupun mental. Bertolak dari itu, manusia melakukan ritual untuk menyembuhkan penyakit serta menghindarkan kesan negatif akibat daripada gangguan makhluk halus. Dengan melakukan ritual, manusia percaya bahawa aura positif dapat dihadirkan bagi memastikan kelangsungan kewujudan.

Menurut Abdullah Taib (1985), kepercayaan manusia terhadap perkara ghaib berhubungan langsung dengan kepercayaan keagamaan kerana percaya kepada Tuhan (ghaib) merupakan dasar yang utama dalam fahaman keagamaan. Sementara itu, agama pula merujuk pandangan Mohd Sulaiman Yasin (1984), merupakan kepercayaan kepada kewujudan Zat Yang Ghaib, Tertinggi lagi Maha Kuasa dan bebas dengan kemahuan dan iradah-Nya untuk bertindak, mengatur dan mengurus alam semesta, iaitu kepercayaan yang membolehkan bermunajat dengan Zat Yang Maha Tinggi itu dengan penuh harapan bercampur bimbang, penuh kepatuhan dan pegangan. Secara ringkasnya bererti “keimanan kepada zat ketuhanan yang layak diberikan ketaatan dan ibadah” atau “kepercayaan kepada kewujudan sesuatu Yang Maha Tinggi” serta pembawaan dan tingkahlaku amalan yang berasaskan kepada kepercayaan tersebut.

Sehubungan dengan itu, kepercayaan terhadap fahaman keagamaan dan fenomena mistikal merupakan aspek metafizik yang dapat memandu ke arah kebenaran yang *transcendent* (transenden) (Trusted, 1991). Hal ini kerana, kedua-dua aspek tersebut telah membuktikan bahawa ia dapat memotivasikan dan

memberikan inspirasi kepada mereka yang berusaha untuk memahami dan menjelaskan mengenai dunia fizikal. Ekoran kepercayaan terhadap keagamaan dan fenomena mistikal itulah yang memungkinkan wujudnya bentuk persembahan ritual *saba*. Masyarakat pengamal persembahan *saba* percaya bahawa dunia fizikal ini turut dipengaruhi oleh dunia metafizik, iaitu makhluk halus yang dari segi mitosnya dipercayai sebagai roh nenek moyang mereka merujuk kepercayaan animisme. Animisme merupakan kepercayaan tentang wujudnya makhluk halus yang boleh bersifat sakti (*supernatural*) yang mempengaruhi kehidupan (Tengku Lucman Sinar, 1978). Ia merupakan satu bentuk agama yang berasal daripada fahaman atau kepercayaan masyarakat primitif yang berpendapat bahawa alam sekeliling, iaitu semua benda, baik yang bernyawa atau tidak bernyawa mempunyai roh. Kata *animisme* berasal daripada bahasa Latin yang bererti roh atau jiwa. Roh ini dipercayai boleh mempengaruhi kehidupan manusia. Bagi mereka, roh itu tersusun daripada satu zat atau materi halus yang hampir menyerupai wap atau udara. Dalam fahaman masyarakat primitif, roh tersebut mempunyai bentuk dan mempunyai umur (Harun Nasution, 1973). Justeru, mereka percaya bahawa tempat tinggal yang mereka diami turut dihuni oleh makhluk halus. Bertolak daripada kepercayaan tersebut, maka sajian dan ritual dilakukan dalam persembahan *saba*. Tujuannya adalah untuk menghormati dan meminta izin daripada makhluk halus supaya merestui tindakan mereka terutamanya dalam menyembuhkan penyakit.

Rentetan itu, usaha untuk meneroka hal berkaitan ritual penyembuhan yang dimanifestasikan secara simbolik melalui persembahan ritual *saba*, ditelusuri semula dengan kajian yang dilakukan di Kampung Teluk Belanja dalam Mukim Jengai, Hulu Dungun, Terengganu pada 24 hingga 26 Jun 2014. Kunjungan ke lokasi kajian ini memungkinkan pengkaji menonton persembahan ritual *saba* serta menemubual ketua persembahan, iaitu Che Wan Norsaidi binti Che Wan Abdul Rahman atau lebih mesra dengan panggilan Mak Zah. Beliau merupakan seorang Peduan, iaitu individu penting dalam pelaksanaan persembahan ritual *saba* khasnya untuk penyembuhan.

### **Persembahan ritual *saba***

Sebagai sebuah seni persembahan tradisional, *saba* mengandungi unsur-unsur tari, muzik, nyanyian, lagu dan lakon yang membentuk persembahannya. Dari segi asal-usul, mitos penceritaan persembahan *saba* muncul sempena dengan nama pohon *saba* yang dipercayai berasal daripada pohon yang tumbuh di kayangan. Pohon *saba* di atas kayangan merupakan tempat permainan dewa-dewi kayangan. Oleh itu, sewaktu persembahan ini dilakukan dewa-dewi dari kayangan perlu dipanggil untuk turun ke bumi bagi merestui persembahan serta membantu dalam proses penyembuhan. Justeru, bagi menghadirkan dewa-dewi kayangan untuk turun ke bumi maka perlengkapan mereka harus disediakan dalam bentuk ruang permainan atau taman di mana mereka sering bermain sewaktu di kayangan. Oleh sebab pohon *saba* merupakan pohon yang sangat digemari oleh dewa-dewi di taman kayangan maka ia perlu diwujudkan. Sekiranya pohon *saba* tidak diciptakan di bumi, puteri dan dewa tidak akan turun ke bumi. Sehubungan dengan itu, persembahan ritual *saba* yang diinisiatifkan oleh pemain di bumi perlu mengwujudkan pohon *saba* sebagai simbol taman yang ada di kayangan.

Bertolak dari mitos penceritaan tentang pohon *saba* itu, menurut Che Wan Norsaidi bt. Che Wan Abdul Rahman (25 Jun 2014), kewujudan persembahan ini dipercayai telah wujud di negeri Terengganu sejak zaman peralihan Hindu-Budha-Islam di Nusantara, iaitu pada abad ke-13 Masihi. Di negeri Terengganu, persembahan *saba* telah diperkenalkan kira-kira 150 tahun dahulu oleh seorang bomoh wanita yang bernama Tok Bomoh Comot. Beliau telah mengajarkan persembahan ini kepada Tengku Yem. Seterusnya, Tengku Yem memperkenalkan persembahan *saba* di daerah Hulu Dungun, iaitu di kampung Kuala Jengai. Usaha berterusan untuk mempopularkan persembahan *saba* disambung pula oleh Che Wan Muda Dewa bersama Che Wan Deraman Cabang. Pada tahun 1956, tanggungjawab ini telah dipikul oleh Che Wan Abdul Rahman, iaitu ayah kepada Che Wan Norsaidi (Mak Zah). Mak Zah merupakan pewaris tunggal persembahan *saba* mengikut salasilah keturunan penggiat persembahan *saba* di kampung Kuala Cengai khasnya dan Terengganu amnya.

### Peduan (Bapak peduan/Ibu peduan)

Che Wan Norsaidi binti Che Wan Abdul Rahman atau lebih mesra dikenali sebagai Mak Zah merupakan generasi yang mewarisi kesenian persembahan ritual *saba*. Beliau mula berkecimpung dalam seni persembahn ini sebagai seorang penari sejak 1970-an. Sejak kecil lagi Mak Zah terdedah dengan persembahan ritual *saba*. Beliau sering mengikut bapanya yang merupakan seorang Peduan (Bapak Peduan adalah gelaran untuk lelaki manakala Ibu Peduan adalah gelaran untuk perempuan) membuat persembahan ritual *saba* untuk tujuan penyembuhan.



**Rajah 1.** Ibu Peduan Che Wan Norsaidi binti Che Wan Abdul Rahman (Mak Zah)

Pada peringkat awal, Mak Zah hanya menunjukkan minat yang mendalam terhadap aspek tarian persembahan *saba* berbanding bermain alat muzik terutamanya Anak Umbang. Hal ini kerana, sejak kecil sehingga usia remaja beliau tidak pernah memegang alat muzik Anak Umbang apatah lagi menggeseknya. Namun, suatu perubahan telah berlaku terhadap diri Mak Zah setelah kematian bapanya. Perubahan tersebut bersebabkan oleh dua faktor, iaitu yang pertama tiada waris yang berupaya untuk memainkan alat muzik Anak Umbang. Faktor kedua adalah dari aspek genetik, iaitu kemahiran bermain alat muzik yang dimiliki merupakan suatu proses keturunan. Menurut Che Wan Norsaidi binti Che Wan Abdul Rahman (25 Jun 2014) pada suatu ketika beliau telah diminta oleh penduduk kampung untuk membuat persembahan ritual *saba* bagi tujuan penyembuhan. Namun, beliau terpaksa menolak permintaan tersebut kerana tidak menguasai permainan alat muzik Anak Umbang yang merupakan ciri khas yang perlu dimiliki oleh seorang Ibu Peduan untuk melaksanakan proses penyembuhan. Hal ini kerana, beliau tidak pernah belajar mahupun diajar oleh arwah bapanya tentang tatacara persembahan ritual *saba* untuk penyembuhan termasuklah permainan alat muzik Anak Umbang. Justeru, akur dengan keputusan tersebut, penduduk kampung tidak pernah lagi meminta beliau untuk melakukan persembahan ritual *saba* bagi tujuan penyembuhan.

Tidak lama selepas itu, suatu hal telah berlaku terhadap diri Mak Zah apabila pada suatu hari semasa beliau sedang sibuk membuat kerja rumah, kedengaran sesuatu di dalam telinganya, iaitu bunyi gesekan alat muzik Anak Umbang. Oleh sebab sibuk menguruskan kerja rumah, Mak Zah tidak mengendahkan perkara tersebut dan akhirnya hal itu berlalu begitu sahaja. Walau bagaimanapun, ketika waktu senggang Mak Zah merasa teringin untuk memegang alat muzik Anak Umbang. Beliau mengambil Anak Umbang lalu menggesekkannya secara tidak serius. Anehnya, gesekan Anak Umbang yang dibuat secara main-main itu kedengaran sangat menarik. Terleka dengan fenomena itu, secara tidak sengaja Mak Zah boleh

menguasai permainan alat muzik Anak Uambang. Pada ketika itu usia Mak Zah baharu sahaja mencecah 13 tahun. Bertolak dari peristiwa itu, apabila diminta oleh orang kampung untuk membuat persembahan ritual *saba* bagi tujuan persembahan beliau tidak pernah menolak. Bermula dari tarikh itu jugalah perubahan peranan dimainkan oleh beliau dalam persembahan ritual *saba*, iaitu daripada penari kepada pemuzik Anak Uambang yang juga merangkap sebagai Ibu Peduan (ketua bomoh).

## Unsur penting persembahan ritual *saba*

### *Peduan (ibu peduan/bapak peduan)*

Peduan adalah pemain muzik Anak Uambang dan penyanyi lagu mantera ritual penyembuhan yang mengetuai (ketua bomoh) keseluruhan persembahan ritual *saba*. Peduan berkomunikasi dengan bomoh yang dirasuk oleh dewa Awang Muda Diawan sewaktu persembahan ritual penyembuhan berlangsung bagi mengiringi dewa-dewi dari kayangan turun ke alam fizikal. Peduan turut mengawal dewa-dewi (makhhluk halus) yang merasuk bomoh sambil berkomunikasi menggunakan bahasa tubuh. Selain itu, Peduan juga menjaga hubungan kesatuan ritual alam fizikal dan metafizik supaya tidak terputus bagi mengelakkan upacara daripada terhenti. Peduan turut memaklumkan perjalanan acara ritual menerusi dialog berlagu sambil diiringi gesekan alat muzik Anak Uambang kepada khalayak.

### *Bomoh*

Dalam konteks tradisional Melayu khususnya dan nusantara amnya, peranan bomoh (*shaman*) adalah sebagai perantara atau penghubung di antara alam fizikal dengan alam metafizik. Hal ini demikian kerana bomoh memiliki kelebihan, iaitu memiliki teman atau berdampingan dengan makhhluk halus yang merupakan entiti alam metafizik. Justeru, bomoh boleh berkomunikasi dengan makhhluk dari alam metafizik dalam usaha untuk menyembuhkan penyakit yang dipercayai berakibatkan oleh perbuatan makhhluk halus.

Peranan bomoh yang sedemikian turut berlaku dalam persembahan ritual *saba*, iaitu bomoh merupakan orang perantara yang menjadi medium untuk dirasuk oleh makhhluk halus (Dewa Awang Muda Diawan) yang akan berkomunikasi dengan Ibu Peduan (ketua bomoh/ketua ritual) bagi mengenalpasti ubat yang mampu menyembuhkan pesakit. Pemilihan bomoh ini adalah bergantung kepada perbincangan awal di antara Peduan dengan calon bomoh. Sekiranya calon bomoh yang dipilih menyatakan persetujuan kepada Peduan untuk menjadi bomoh maka dia perlu mengunjungi rumah pesakit. Sewaktu persembahan ritual *saba* berlangsung, bomoh akan dirasuk oleh pelbagai jenis makhhluk halus yang dikenalpasti sebanyak 36 secara silih berganti. Bomoh yang dirasuk akan berkomunikasi dengan Peduan yang bertindak sebagai perantara di antara makhhluk halus dan khalayak (manusia) dalam bahasa yang hanya difahami oleh Peduan. Kemudian Peduan akan menterjemahkan perbualan dengan makhhluk halus yang merasuk bomoh itu ke dalam bahasa yang difahami oleh pasakit dan khalayak yang hadir. Sebaik sahaja Peduan memainkan alat muzik Anak Uambang maka secara automatik bomoh akan dirasuk oleh makhhluk halus (dewa-dewi).

### *Anak uambang*

Anak Uambang merupakan alat muzik yang penting dan utama dalam persembahan ritual *saba* khususnya untuk penyembuhan. Hal ini kerana, tanpa Anak Uambang persembahan ritual *saba* untuk penyembuhan tidak boleh dilakukan. Gesekan tali Anak Uambang mesti berterusan sepanjang persembahan bagi menyatukan hubungan makhhluk halus di alam metafizik dan alam fizikal bagi tujuan penyembuhan.



**Rajah 2.** Alat muzik Anak Umbang

### *Pesakit*

Pesakit merupakan individu yang dipercayai mengalami gangguan daripada makhluk halus. Pesakit yang dikenalpasi mengalami gangguan makhluk halus tidak dibenarkan berada di luar rumah pada waktu senja. Sewaktu persembahan ritual *saba* dijalankan pula, pesakit dilarang sama sekali daripada memaki baju berwarna merah. Hal ini ekoran kepercayaan bahawa warna merah merupakan warna yang 'panas' dan tidak disukai oleh makhluk halus (para dewa-dewi).

### **Penyediaan sajian persembahan ritual *saba***

Sajian merupakan hal yang sangat penting dalam persembahan ritual *saba* untuk tujuan penyembuhan. Tujuan sajian disediakan ekoran kepercayaan bahwa wujudnya semangat (makhluk halus) yang menjiwai persembahan ritual tersebut. Oleh itu, apabila hendak mempersembahkan ritual *saba*, bomoh perlu meminta izin terlebih dahulu dengan memanggil semangat atau roh nenek-moyang agar persembahan yang dimainkan mendapat restu untuk tujuan penyembuhan penyakit. Penyediaan sajian dan bahan-bahan yang digunakan dalam persembahan ritual *saba* hanya boleh disediakan oleh *Chenayan*. Pduan atau keluarga pesakit tidak dibenarkan untuk terlibat dalam proses penyediaan sajian dan bahan-bahan ritual tersebut.

### *Pohon saba*

Pohon *saba* merupakan sajian penting yang disediakan sebagai tanda bahawa dewa-dewi turun ke tempat ritual yang akan diadakan. Seiring dengan mitos penceritaan persembahan ritual *saba*, dipercayai bahawa pohon *saba* adalah tempat kediaman dan pemujaan dewa-dewi di kayangan dan dalam masa yang sama juga merupakan tempat terhimpunnya segala jenis penyakit. Pohon *saba* diperbuat daripada pucuk kelapa muda setinggi tujuh kaki namun syarat ketinggian tersebut tidaklah mutlak. Namun, tanpa pohon *saba* ritual penyembuhan tidak dapat dijalankan. Terdapat dua pohon *saba* yang diikat menjadi satu yang dinamakan *saba renek* dan *saba junjung*. Kedua-dua pohon *saba* tersebut diukir dengan pelbagai bentuk ukiran manakala pada daun-daunnya pula digantung dengan pelbagai hiasan yang diperbuat daripada

daun kelapa berbentuk bola, burung, ayam, keris, ketam dan pedang. Sajian pohon *saba* ini perlu diperasap dengan kemenyan sambil diiringi dengan nyanyian dalam bentuk mantra oleh Peduan yang turut dikenali sebagai lagu-lagu *saba*. Sementara itu, sajian *timba tasik* dan *lancang pilang* turut disediakan bagi menjadi pasangan sampingan kepada pohon *saba*. Panjangnya lebih kurang satu setengah kaki yang diperbuat daripada batang pisang, bunga senduduk dan daun kelapa yang dijalin.



Sumber: Koleksi peribadi informan, 2014

**Rajah 3.** Pohon *saba*

### *Kapal ayah*

Sajian awal yang perlu disediakan adalah *kapal ayah*, iaitu berupa satu dulang khas yang di dalamnya mengandungi *berena* (beras kuning), *buah jitung* (buah pinang), *selipat kuning*, (sirih) *sekaya majong* (rokok daun nipah), *bunga kembang* (bertih), *sireh lica* (minyak), *daun calun* (daun pinang), air bunga tujuh warna, *pelepas* (daun kelapa tua), air pemulih / air kalbuk / air kasturi (bunga tiga warna: merah putih kuning), *genuk luti* (tepung tawar) dan *seludang gading* (mayang pinang).

## **Pelaksanaan persembahan**

### *Buka balai*

Persembahan ritual *saba* untuk penyembuhan dimulai dengan upacara *buka balai* yang dilaksanakan di rumah pesakit. Balai merupakan ruang lokasi di mana ritual penyembuhan ini dipersembahkan. Syarat yang perlu dipatuhi adalah tapak balai mestilah berada di tempat yang tertutup dan tidak menjejak tanah seperti di ruang tamu rumah atau di dalam bilik. Upacara *buka balai* akan dilaksanakan oleh Peduan yang akan memulakan upacara dengan ritual memagar balai empat penjuru yang bertujuan untuk menghalang makhluk halus yang merasuk pesakit daripada mengganggu khalayak yang hadir dalam upacara tersebut. Ruang empat penjuru tersebut mewakili empat unsur kosmos, iaitu air, api, angin dan tanah. Upacara *buka balai* ini hanya boleh dilakukan pada waktu malam, iaitu hari Selasa malam Rabu sahaja dan tidak boleh dilakukan pada malam-malam yang lain.

Setelah upacara *buka balai* selesai dilaksanakan, pemain muzik akan menyusun peralatan muzik yang terdiri daripada gong, gendang ibu dan gendang anak yang diletakkan di atas lantai. Setelah kesemua alat muzik siap disusun, para pemuzik akan mengambil tempat masing-masing. Kemudian diikuti oleh Ibu Peduan yang akan duduk mengambil tempat menyertai para pemuzik sambil membawa alat muzik Anak Umbang, iaitu alat muzik utama yang hanya boleh dimainkan oleh Ibu Peduan sahaja. Setelah duduk, Ibu Peduan akan mengasapkan kemenyan terhadap alat muzik Anak Umbang. Apabila proses mengasap Anak Umbang selesai, Ibu Peduan akan memainkan lagu *bertabik* sebagai lagu pembukaan (*buka balai*). Selesai sahaja lagu *bertabik* dimainkan, para penari akan masuk ke ruang persembahan dan Ibu Peduan akan memainkan lagu *Burung Baniung* bagi mengiringi pergerakan penari.



**Rajah 4.** Kedudukan pemuzik dan peralatan muzik persembahan ritual *saba*

Persembahan ini berlangsung melalui komunikasi berlagu dalam bentuk mantera di antara Peduan dengan bomoh yang dirasuki oleh Dewa Awang Muda Diawan. Dewa Awang Muda Diawan adalah ketua dewa-dewa kayangan yang berinteraksi dengan Peduan melalui perantaraan bomoh. Dewa Awang Muda Diawan yang merasuki bomoh akan berkomunikasi dengan pohon *saba* dalam menentukan ubat untuk pesakit. Dewa Awang Muda Diawan turut bertindak sebagai wakil bagi dewa-dewi dengan menggunakan bomoh sebagai perantara untuk berkomunikasi dengan Peduan bagi menjelaskan punca penyakit, jenis penyakit dan ubat yang dapat menyembuhkan penyakit. Pelbagai makhluk halus secara silih berganti menggunakan tubuh bomoh sebagai medium untuk komunikasi dan berinteraksi dengan Peduan. Interaksi yang berlaku di antara Peduan dan bomoh yang dirasuki oleh Awang Muda Diawan adalah secara dialog berlagu dan perbuatan (bahasa tubuh). Nyanyian mantera dengan iringan gesekan Anak Umbang mesti sentiasa berterusan sepanjang proses ritual penyembuhan ini. Sekiranya nyanyian mantera dan iringan muzik Anak Umbang terhenti maka upacara penyembuhan ini dianggap gagal. Proses penyembuhan ini perlu diulangi semula dari awal mengikut ketetapan yang ditentukan oleh makhluk halus.

Terdapat 36 buah lagu mantera kesemuanya dalam persembahan ritual *saba*. Namun begitu, hanya 10 buah lagu mantera sahaja yang diingati oleh Mak Zah. Daripada 10 lagu mantera itu pula, hanya 6 buah lagu mantera yang lazim dinyanyikan semasa membuat persembahan. Lagu-lagu tersebut adalah Lagu Awang Muda Diawan, Lagu Anak Tedung, Lagu Anak Burung Baniung, Lagu Anak Udang, Lagu Nong



(Nur) Sakti dan Lagu Awang Kasim Gila. Kesemua 36 buah lagu mentera itu merupakan 36 nama dewa-dewi (makhluk halus) yang dipanggil turun dari kayangan untuk membantu dalam upacara ritual penyembuhan. Dewa-dewi tersebut diseru dengan iringan muzik Anak Umbang oleh Peduan dan yang lazimnya hadir adalah Dewa Awang Muda Diawan, Dewa Anak Tedung, Anak Burung Baniong, Nong Sakti, Anak Udang Dayang, Anak Hujan (*Timba Tasik*), Raja Budak, Awang Muda Lengah, Anak Dewa, Awang Mihad Gembala, Puteri-puteri dan Awang Kasim Gila.

Persembahan ritual *saba* untuk penyembuhan bermula dari selepas waktu Isyak sehinggalah awal pagi dan akan berlangsung selama tiga malam berturut-turut. Sepanjang upacara berlangsung, Peduan juga turut bertindak mengawal bomoh yang dirasuk oleh dewa Awang Muda Diawan. Semasa upacara ritual ini berlangsung keluarga pesakit dan orang ramai boleh datang menonton namun tidak dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sehingga upacara ritual itu berakhir. Hal ini demikian, bertujuan untuk menghormati dan menjaga hati makhluk halus agar tidak rasa terhina.

Pesakit yang hendak diubati pula akan duduk berlunjur mengadap pohon *saba*. Apabila sajian *kapal ayah* sudah siap disusun di atas dulang, ia akan diletakkan di sebelah Peduan. Sajian *air pemulih ubat* pula diletakkan di bawah pohon *saba* yang mengandungi, air pemulih, beras kunyit, pelepah (*tolok belang*), *batang chalung*, *seludang gading* (mayang pinang) dan *lancang pilang* (perahu).

Di penghujung upacara penyembuhan ini, *batang chalung* dan *air pemulih* akan disapukan pada keseluruhan tubuh badan pesakit manakala mayang pinang akan dikupas oleh bomoh untuk mengenalpasti jenis penyakit. Setelah penyakit dikenalpasti, bomoh akan menaburkan bertih padi ke atas lantai. Taburan bertih di atas lantai itu akan dipilih dan dikutip oleh bomoh untuk diberi makan kepada pesakit sebagai ubat mengikut saranan daripada makhluk halus.

### *Tutup balai*

Setelah upacara selesai, bomoh yang dirasuk oleh Dewa Awang Muda Diawan akan melakukan upacara *tutup balai* dengan menjatuhkan pohon *saba* dan membersihkan balai menggunakan *timba tasik*. Sementara itu, *lancang pilang* pula akan diisi oleh bomoh dengan *komor berdarah* (sirih), *buah jitung* (buah pinang), *sekaya mak jung* (rokok daun nipah), *genut roti* (tepung tawar), *bunga kembang* (bertih padi), *seri lica* (minyak masak) dan *kalbuq* (air bunga). Setelah semua sajian tersebut dikumpulkan, bomoh akan menghanyutkan *lancang pilang*, pohon *saba* dan *timba tasik* ke dalam sungai pada siang hari, iaitu selepas solat subuh.

## **Hubungan simbol kosmik persembahan ritual *saba* dengan penyembuhan**

### *Kepercayaan terhadap semangat dewa-dewi*

Alam kehidupan masyarakat pengamal persembahan ritual *saba* dilingkungi oleh hutan dan air (sungai) yang turut menjadi sumber rezeki mereka. Hal ini turut mempengaruhi sistem kepercayaan dan kosmologi masyarakat pengamal yang masih mempercayai kepada sistem kepercayaan animisme dalam menjalani kehidupan mereka. Dalam sistem kepercayaan animisme, masyarakat pengamal percaya bahawa terdapat penjaga (semangat dewa-dewi) yang menjaga setiap penjuru alam ini yang diketuai oleh Dewa Awang Muda Diawan yang tinggal di kayangan. Dewa-dewi tersebut dipercayai memberi kesejahteraan dan kedamaian, rezeki yang melimpah ruah, kesenangan dan segala yang bersifat baik. Namun, dewa-dewi juga akan menurunkan bala bencana sama ada dalam bentuk musibah atau penyakit sekiranya tidak dihormati. Dewa-dewi tersebut mewakili empat simbol kosmik, iaitu tanah, air, api dan angin (udara) yang memastikan keseimbangan kewujudan. Mereka percaya bahawa Dewa Awang Muda Diawan, merupakan penjaga langit mewakili simbol angin (udara) yang bersifat panas dan lembab. Anak Hujan (*Timba Tasik*) pula mewakili simbol air dan bersifat sejuk dan lembab. Dewa Anak Tedung dipercayai bersifat garang dan panas mewakili simbol api yang bersifat panas dan kering manakala Awang Mihad Gembala pula mewakili simbol tanah yang bersifat sejuk dan kering.

Justeru, masyarakat pengamal persembahan ritual *saba* menggunakan kekuatan semangat unsur alam bagi memanifestasikan hubungan di antara manusia dengan unsur alam (kosmos) tersebut. Kekuatan hubungan tersebut berdasarkan kepada kepercayaan terhadap dewa-dewi yang menjaga setiap penjuru alam ini. Jadi, hubungan semangat kekuatan kosmos perlu dijaga kerana mereka percaya bahawa manusia adalah makhluk yang lemah dan sentiasa perlu mendapat pertolongan daripada semangat kosmos (dewa-dewi) dalam menjalani kehidupan.

Bertolak daripada kepercayaan terhadap dewa-dewi yang merupakan semangat kosmos masyarakat pengamal maka persmbahan ritual *saba* dilakukan sebagai manifestasi komunikasi hubungan manusia dengan dewa-dewi untuk tujuan penyembuhan. Hal ini kerana, dalam pengubatan tradisional, penyakit di dalam tubuh badan manusia dipercayai berlaku disebabkan oleh ketidakseimbangan di antara tubuh badan dan unsur-unsur kosmik tersebut. Jadi, untuk mengubatinya Peduan dan bomoh akan menyeru semangat-semangat berkenaan yang mempunyai kaitan dengan simbol-simbol kosmik itu. Sehubungan dengan itu, kosmos dalaman serta semangat luar kosmos akan menentang unsur jahat yang meresapi tubuh badan pesakit. Justeru, ikhtiar yang dilakukan oleh masyarakat pengamal bagi menyembuhkan pesakit tersebut adalah mempersembahkan ritual *saba* yang tujuannya adalah seperti berikut:

- i. Menilik penyakit yang dialami oleh pesakit.
- ii. Mencari punca penyakit.
- iii. Mengenalpasti jenis makhluk halus yang mengganggu pesakit.
- iv. Menyarankan ubat yang boleh menyembuhkan penyakit

Proses penyembuhan ini berlangsung selama tiga malam berturut-turut dan malam ketiga adalah kemuncaknya apabila persembahan ritual *saba* dipersembahkan. Malam pertama hanya dilakukan oleh bomoh di rumahnya sendiri dan merupakan proses tawar-menawar di antara bomoh dan makhluk halus tentang persiapan yang perlu dilakukan untuk melaksanakan persembahan ritual *saba* untuk tujuan penyembuhan. Malam kedua pula merupakan acara penetapan segala keperluan yang dikehendaki oleh makhluk halus bagi disediakan oleh bomoh serta syarat-syarat dan pantang-larang yang perlu dipatuhi sepanjang proses penyembuhan berlangsung. Persembahan ritual *saba* diadakan di rumah pesakit itu sendiri seperti yang dikehendaki oleh makhluk halus. Segala kehendak dan permintaan makhluk halus ini diketahui oleh Peduan dan bomoh melalui upacara yang dilakukan sendiri oleh bomoh pada malam kedua proses penyembuhan. Persembahan ritual *saba* hanya dilakukan pada waktu malam sahaja. Hal ini ekoran kepercayaan masyarakat pengamal tentang perbezaan konsep masa antara alam manusia (fizikal) dan alam makhluk halus (metafizik), iaitu waktu malam bagi manusia adalah waktu siang bagi makhluk halus. Jadi, persembahan ritual *saba* dilakukan pada waktu malam kerana pada masa itu makhluk halus dipercayai sangat aktif untuk melaksanakan tugas. Selain itu, permintaan makhluk halus yang ditentukan pada malam kedua itu termasuklah keperluan mengadakan sajian untuk upacara persembahan ritual *saba*. Jadi, untuk tujuan penyembuhan pada malam ketiga, persembahan ritual *saba* turut disertai dengan sajian yang khas disediakan atas permintaan makhluk halus. Apabila semua sajian telah disediakan, maka baharulah persembahan boleh dilaksanakan.

Dalam hal sajian ini, pohon *saba* merupakan simbol kosmos yang mewakili keempat-empat unsur kosmos, iaitu tanah, air, api dan angin. Hal ini demikian kerana di situlah berkumpulnya semua dewa-dewi yang membawa unsur-unsur positif dan negatif, turun dari kayangan untuk berkomunikasi dengan bomoh dalam proses penyembuhan pesakit. Oleh itu, pohon *saba* merupakan kosmos kecil yang diciptakan oleh makhluk fizikal untuk didiami oleh makhluk metafizik. Sementara itu, sajian *timba tasik* dan *lancang pilang* yang turut disediakan bagi menjadi pasangan sampingan kepada pohon *saba* turut mewakili simbol air dan tanah yang memberi keseimbangan kepada kosmos. Sajian *kapal ayah* pula yang menghimpunkan pelbagai jenis hidangan sajian mewakili simbol angin. Hal ini kerana, semasa upacara *tutup balai* kesemua sajian termasuk pohon *saba* akan dibersihkan menggunakan *timba tasik*. Sajian yang telah dibersihkan itu akan dimasukkan ke dalam *kapal ayah* untuk dihanyutkan ke sungai. *Kapal ayah* akhirnya akan belayar mengikut tiupan angin membawa segala penyakit dan unsur-unsur negatif yang menimpa makhluk fizikal.

Setelah semua sajian lengkap disediakan, Peduan akan memanggil dewa-dewi dengan bacaan jampi atau mantera. Jampi atau mantera sangat memainkan peranan penting dalam persembahan ritual *saba* kerana ia merupakan kod komunikasi yang diamalkan oleh pemain khususnya Peduan dan bomoh serta khalayak untuk mengenalpasti ide-ide yang terkandung di sebalik benda-benda (material). Melalui jampi masyarakat pengamal persembahan ritual *saba* dapat mengenali dunia mereka dan bagaimana mereka menjustifikasi kehidupan sosial dan kehidupan lahiriah serta batiniah. Mereka, mengetahui tentang susunan kejadian atau kewujudan. Iaitu tentang erti kuasa, rezeki, masa dan ruang, dosa dan pahala, syurga dan neraka serta hidup dan mati. Jadi, jampi bukan sekadar kata-kata, kalimat dan ayat tetapi ia merupakan pengucapan yang simbolik, bermakna dan sangat mistikal. Jampi dan mantera turut dipelajari kerana dalam bacaannya terkandung nama makhluk halus yang ingin dipanggil atau dimiliki. Sekiranya Peduan mahupun bomoh gagal untuk memahami nama dan kewujudan makhluk halus tersebut maka mereka tidak boleh menjadi Peduan atau bomoh. Hal ini kerana, Peduan dan bomoh berkenaan tidak berupaya memanggil makhluk halus untuk hadir dalam persembahan. Sedangkan, kehadiran makhluk halus sangat penting untuk memungkinkan berlakunya proses penyembuhan dalam persembahan ritual *saba*.

Sesungguhnya, dimensi jampi terlalu luas sehingga orang yang mengamalkan jampi dan mantera dikatakan orang yang berilmu. Hal ini ekoran jangkauan ilmunya bukan sahaja setakat mengenal benda tetapi dapat menguasai serta memanipulasi semangat benda-benda tersebut. Hal ini jelas berlaku apabila Peduan mahupun bomoh persembahan ritual *saba* sangat dihormati kerana berupaya untuk mengubati penyakit. Beliau juga bertindak selaku perantara bagi pesakit dan makhluk halus dan seterusnya berupaya memulihkan semula pesakit yang mengalami gangguan makhluk halus. Keupayaan ini diperolehi oleh Peduan mahupun bomoh ekoran kebolehannya menguasai makhluk halus tersebut.

Justeru, merujuk kepada persembahan ritual *saba*, alam, manusia dan persembahan merupakan suatu kesatuan yang organik serta mempunyai semangat kosmos yang menyatukan kesemuanya. Dalam hubungan ini, transformasi semangat kosmos berpindah dari alam (fizikal dan metafizik) ke dalam jasad manusia (bomoh dan pesakit) sehingga terhasilnya suatu persembahan yang mampu menyembuhkan penyakit. Melalui proses persembahan ritual *saba* ini, kosmos alam dan kosmos persembahan menyatu dan akhirnya melahirkan keindahan (estetika). Hal ini turut merujuk kepada konsep luaran dan dalaman kewujudan manusia sebagai suatu kosmos. Jasad luaran manusia merupakan kosmos luaran dan aspek kerohanian (kejiwaan) manusia merupakan kosmos dalaman. Namun, hal yang lebih penting dalam kehidupan manusia beragama adalah kesejahteraan kosmos dalaman. Hal ini ekoran ketenangan kosmos luaran adalah bergantung kepada kesejahteraan kosmos dalaman. Kesejahteraan dan kekuatan kosmos dalaman pula sangat dipengaruhi oleh tindakan kosmos luaran yang akur melaksanakan sesuatu perkara berlandaskan kepercayaan keagamaannya yang dalam hal pengamal persembahan ritual *saba* ini adalah kepercayaan animisme.

## Kesimpulan

Sesungguhnya, hubungan persembahan dengan penyembuhan adalah saling berkait yang akarnya ditunjangi oleh mitos naratif tentang wujudnya hubungan di antara makhluk fizikal dan metafizik. Aspek kosmologi yang mengikat hubungan kedua-dua makhluk, iaitu fizikal dan metafizik melalui konsep keseimbangan memungkinkan persembahan ritual *saba* dimanifestasikan. Kepercayaan terhadap keseimbangan kosmos dapat memberi kesejahteraan menjadikan persembahan ritual *saba* berfungsi sebagai medium penyembuhan kerana dipercayai berupaya mengembalikan keseimbangan kosmos. Dalam konteks tradisional, persembahan ini memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat. Merujuk kepada persembahan yang berfungsi sebagai alat penyembuhan, peranan Peduan bukan sahaja sebagai pemain muzik dan penyanyi tetapi juga sebagai penyembuh penyakit (ketua bomoh). Ekoran kemahiran Peduan dalam bidang seni persembahan ini beliau juga turut menjadi bomoh dalam kehidupan sebenar. Sehubungan itu, aspek penyembuhan dalam persembahan ritual *saba* dikategorikan sebagai *faith healing*, iaitu merujuk amalan ritual yang berhubungan dengan

kepercayaan keagamaan. Penyembuhan berlaku ekoran kepercayaan terhadap kuasa spiritual (metafizik) yang menjadi *intervention* dalam proses penyembuhan tersebut.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan melalui Geran Penyelidikan *Long Term Research Grant Scheme* (LRGS, USM), Kementerian Pengajian Tinggi, 203/PTS/6720007, 203/PTS/6727001, 203/PTS/6727002, 203/PTS/6727003.

### **Rujukan**

- Abdul Majid Hj. Khatib (1975) *Risalah metafizik Jalaluddin Rumi*. Pustaka Aman Press, Kelantan.
- Abdul Rahman Abdullah (1999) *Falsafah alam semesta di Nusantara*. Utusan Publication, Kuala Lumpur.
- Abdullah Taib (1985) *Asas-asas antropologi*. DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Che Wan Norsaidi binti Che Wan Abdul Rahman (25 Jun 2014) Kampung Teluk Belanja, Hulu Dungun, Terengganu.
- Mohd Kipli Abdul Rahman (2009) *Mabuk mistikal: Semiotik metafizik dalam kuda kepang mabuk*. Penerbit USM, Pulau Pinang.
- (2012) *Sinkritisme dalam wayang wong Johor*. Penerbit USM, Pulau Pinang.
- Mohd Sulaiman Hj. Yasin (1984) *Pengantar akidah*. DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tengku Lucman Sinar (1978) *Sumatera Timur zaman purbakala*. Wira, Medan.
- Trusted J (1991) *Physics and Metaphysics: Theories of Space and Time*. Routledge, London.
- Osman Bakar (1994) Perpektif kosmologi tasawuf dalam pemikiran kosmologi Melayu. Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 24 – 26 Januari: 639.